



**LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(LANGKAWI DEVELOPMENT AUTHORITY)**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

- 1) (a) Jawatan : **AKAUNTAN GRED WA41**
(1 Jawatan)
- (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Lembaga Pembangunan Langkawi
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan (W)

- 2) Jadual Gaji :

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum
WA41	RM2,820.00	RM9,585.00

- 3) Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; DAN
- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00); ATAU

- (ii) lulus peperiksaan akhir badan-badan ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00); ATAU
- (iii) lulus peperiksaan kelayakan (QE) institut Akauntan Malaysia.
(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00).
- 4) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 5) Taraf Pelantikan : **(i) Calon lantikan baharu adalah secara pelantikan kontrak (interim) selama 3 tahun; dan**
(ii) Pegawai lantikan tetap yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan adalah secara pelantikan tetap
- 6) Fungsi bidang tugas : Bertanggungjawab ke atas pengurusan perakaunan dan kewangan termasuk tadbir urus sistem kewangan, khidmat nasihat dan pelaporan kewangan.
- 7) Panduan/Cara Memohon
- (7.1) Borang-borang permohonan boleh didapati dengan melayari laman web LADA di alamat <https://www.lada.gov.my/jawatan-kosong/>
- a) Borang permohonan yang telah siap diisi hendaklah disertakan dengan salinan seperti berikut:-
- i. Kad Pengenalan;
 - ii. Sijil Kelahiran;
 - iii. Sijil Berhenti Sekolah;
 - iv. Sijil Pelajaran Malaysia;
 - v. Sijil Ijazah dan Transkrip; dan
 - vi. Lain-lain sijil yang berkaitan (kurikulum & kokurikulum)

- (7.2) Setiap permohonan mestilah ditulis (NAMA JAWATAN YANG DIMOHON) di bahagian atas sebelah kiri sampul. Permohonan yang telah lengkap diisi dan ditandatangani hendaklah dikemukakan ke alamat seperti di bawah:-

Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Langkawi
Tingkat 3, Kompleks LADA
Jalan Persiaran Putra
07000 Kuah, Langkawi
KEDAH DARUL AMAN
(u.p. Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan)

- 8) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temu duga. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **3 bulan dari tarikh tutup permohonan** hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.
- 9) Permohonan yang ditolak:
- (9.1) Tidak disertakan gambar terbaru yang berukuran passport seperti ditetapkan;
 - (9.2) Tidak disertakan salinan dokumen yang diperlukan (salinan kad pengenalan, sijil lahir dan salinan sijil-sijil yang berkaitan);
 - (9.3) Tidak lengkap dan tidak terang;
 - (9.4) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
 - (9.5) Tidak menandatangani borang permohonan; dan
 - (9.6) Mengemukakan maklumat palsu
- 10) **Tarikh tutup permohonan adalah pada 25 Julai 2024 (Khamis).** Sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan di talian 04-9600600.